

09/12/1998

Malaysia cadang Asean desak dunia kawal spekulator

Jamhariah Jaafar in Hanoi

HANOI, Selasa - Malaysia akan mencadangkan supaya Asean mendesak institusi kewangan antarabangsa menggariskan undang-undang dan peraturan lebih ketat dalam usaha menangani `serangan tiba-tiba' spekulator mata wang, pada masa depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamed, berkata cadangan itu selari dengan desakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sejak krisis ekonomi melanda rantau ini tahun lalu.

"Matlamat utama Malaysia adalah untuk mengelak daripada serangan secara tiba-tiba kepada sistem kewangan negara di rantau ini. Kerana adalah tidak adil negara yang begitu mewah seperti di Asean tiba-tiba menjadi miskin.

"Cadangan ini dibuat kerana Malaysia secara berseorangan tidak mungkin dapat menghadapi serangan seperti ini, tetapi sebagai sebuah gagasan seperti Asean kemudian disokong oleh rakan dialog seperti Jepun, China dan Korea Selatan, kita akan lebih bersatu untuk menyekat mereka (pedagang mata wang)," katanya selepas menghadiri mesyuarat peringkat pegawai kanan Kementerian Luar (SOM) di sini, hari ini.

Beberapa negara Asean iaitu Malaysia, Thailand, Indonesia dan Filipina adalah antara mangsa pedagang mata wang antarabangsa, yang menjadi pencetus kepada kegawa-tan ekonomi di rantau ini.

Turut menjadi mangsa ialah rakan dialog Asean, Korea Selatan yang dijangka akan turut menyokong cadangan berkenaan.

Abdul Kadir berkata, cadangan berkenaan dijangka menjadi sebahagian daripada Pelan Tindakan Hanoi (HPA) yang akan diisytihar pada akhir Sidang Kemuncak nanti dan sekiranya diterima ia akan membawanya kepada Kumpulan 22 (G22) iaitu kumpulan negara membangun dan negara maju, yang dijadualkan bermesyuarat awal tahun depan.

Menurutnya, cadangan berkenaan iaitu mengukuhkan ekonomi makro dan kerjasama kewangan akan dibincang secara khusus oleh mesyuarat Pegawai Kanan Kewangan Asean (Asfom) pada Khamis dan Jumaat ini.

Menurutnya, mesyuarat berkenaan adalah diluar daripada rangka mesyuarat biasa Asean, dan ia akan disertai oleh pakar kewangan dari negara anggota Asean.

Malaysia akan diwakili oleh Penolong Setiausaha (Ekonomi) Perbendaharaan, Teh Ija Abdul Jalil, serta seorang pegawai kanan dari Bank Negara.

Sementara itu Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Hadenan Abdul Jalil berkata mesyuarat peringkat Menteri-menteri Ekonomi Asean (AEM) akan dijadualkan berbincang mengenai pelbagai langkah untuk menangani krisis ekonomi yang melanda rantau ini.

Menurutnya, antara cadangan terbaru ialah memperkenalkan langkah jangka pendek (bold measures) terutama membabitkan Kawasan Pelaburan Asean (AIA) dan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

"Mungkin terdapat beberapa masalah dalam pelaksanaan program jangka pendek ini kerana kebanyakan tempoh pelaksanaan program pelaburan dan perdagangan yang dirancang adalah antara tiga hingga enam tahun.

"Tetapi kita akan mengadakan beberapa cadangan untuk dikemukakan kepada peringkat menteri," katanya.

(END)